



SETUJU...
Dr Daing
Nasir (kiri)
bertukar
dokumen
dengan
Dr Caklovica.

UMP, Universiti Sarajevo

13/10/10 Sabtu Metro (ekspat) MS-528

meterai memorandum

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) meningkatkan hubungannya dengan Universiti Sarajevo (US) di Bosnia Herzegovina menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) membabitkan bidang akademik, pembangunan dan penyelidikan, baru-baru ini.

Pada majlis menandatangani MoU itu, kedua-dua pihak diwakili Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Rektor US, Profesor Dr Faruk Caklovica. Turut hadir, Ketua Kedutaan Malaysia di Bosnia dan Herzegovina, Khairul Nazran Abdul Rahman.

Dr Daing Nasir berkata, pemilihan US sebagai rakan kerjasama strategik adalah disebabkan kepakaran dan

teknologi digunakan termasuk silibus kejuruteraan yang menyamai UMP memudahkan pertukaran maklumat.

Selain itu, katanya, kedua-dua universiti berada di negara Islam membolehkan pelajar dan kakitangan terbit dalam program pertukaran mampu menyesuaikan diri walaupun budaya berlainan.

“Antara agenda utama kerjasama antara UMP dan US ini ialah memastikan institusi pengajian tinggi di Malaysia menyalur dan mengembang kepakaran terutama dalam bidang kejuruteraan melalui perkongsian kepakaran dan penggunaan fasiliti penyelidikan secara bersama,” katanya.